



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989

DR.17/1989

D.R. 17/89

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989. Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang yang tidak melebihi dua puluh juta tujuh ratus tujuh puluh satu ribu ringgit (\$20,771,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1988, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1988 dan Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1988.

Akta A682.
Akta A726.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Per-
belanjaan
tambahan
bagi tahun
1989.

Akta A713.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ratus lima puluh satu juta lapan ratus enam belas ribu tiga ratus sembilan ringgit (\$151,816,309) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1989, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1989.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA (Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 29 ...	Perkhidmatan Am Perbendaharaan ...	\$ 20,771,000
JUMLAH ...		\$ 20,771,000

JADUAL KEDUA (Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 7 ...	Jabatan Perdana Menteri ...	\$ 19,325,200
B. 14 ...	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ...	887,700
B. 30 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun ...	126,603,409
B. 39 ...	Jabatan Pendaftaran Negara ...	3,000,000
B. 49 ...	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ...	2,000,000
JUMLAH ...		\$151,816,309

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1988 dan 1989 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1988, Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989 dan Akta Perbekalan 1989.

[PN. (U²) 1555.]